

1.0 PENDAHULUAN

Senario masyarakat Arab sebelum Islam memang tidak terdedah kepada bidang ilmu pengetahuan. Keadaan ini dapat digambarkan menerusi tulisan Khairuddin Muhammad (1978) yang menyatakan pada zaman sebelum Islam, orang Arab tidak ada yang terpelajar kerana mereka belum mengenal apa yang dikatakan ilmu pengetahuan menurut penentuan ilmu pengetahuan pada zaman ini. Mereka tidak mengambil berat untuk mengajar anak mereka supaya tahu membaca dan menulis, sungguhpun ada antara orang Arab yang menguasai kemahiran tersebut.

Bidang ilmu yang terkenal ketika zaman jahiliah ialah ilmu melihat bintang untuk mengetahui masa hujan akan turun dan ilmu pengesan iaitu ilmu untuk mengesan binatang atau musuh mereka di padang pasir. Bidang ilmu lain yang dipelajari ialah ilmu menyelidik keturunan kerana mengenal asal-usul sesuatu keturunan amat penting dalam kehidupan orang Arab yang sentiasa hidup bermusuhan-musuhan dan berselisih faham. (Khairuddin Muhammad, 1978) Ringkasnya, dapatlah difahami bahawa belum terdapat satu bentuk kurikulum yang jelas berhubung perkara yang perlu dipelajari oleh masyarakat pada zaman tersebut.

Terdapat sesetengah pendapat yang menyebut perkara yang berkaitan dengan kurikulum telah digunakan sejak zaman Plato, di mana murid-murid pada masa itu mengikuti satu kurikulum pendidikan seperti membaca, menulis, mengira dan sebagainya namun saya berpendapat kurikulum telah mula dipraktikkan sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi. Perutusan Rasulullah s.a.w dapat dianggap sebagai saat bermulanya satu bentuk pendidikan yang mempunyai kurikulum yang unik kerana bersumberkan wahyu Ilahi.

Perbincangan berikutnya akan menjelaskan definisi kurikulum serta perkembangan kurikulum pada zaman Rasulullah s.a.w. yang merangkumi falsafah pendidikan, objektif pendidikan, sumber pendidikan, sukatan atau isi pelajaran, metod/kaedah pengajaran dan metod penilaian. Perbincangan turut menyentuh institusi

pendidikan yang merupakan tempat penting berlakunya aktiviti keilmuan pada zaman tersebut.

2.0 DEFINISI TERMINOLOGI

2.1 Definisi Kurikulum dari segi bahasa

Kurikulum berasal daripada kata akar “*curere*” dalam bahasa Latin yang bermaksud “*lalu*”. Dalam Bahasa Inggeris, perkataan kurikulum bermaksud “*jelmaan*” atau “*metamorfosis*”. Paduan makna kedua-dua bahasa ini menghasilkan makna bahawa perkataan kurikulum ialah “*lalu* dari satu peringkat ke satu peringkat”.(Mohd Daud Hamzah,1993.) Dalam Bahasa Arab, kata kurikulum disebut sebagai *manhaj* yang bererti jalan yang terang yang dilalui oleh manusia dalam berbagai-bagai bidang kehidupan. Menurut Qamus al-Tarbiyah, kurikulum bermaksud satu bentuk perancangan dan media yang dijadikan acuan oleh pihak pengurusan pendidikan dalam mewujudkan tujuan-tujuan pendidikan. (H. Ramayulis,1994).

2.2 Definisi Operasional

Dilihat dari segi operasional pula perkataan kurikulum dapat difahami berdasarkan pandangan beberapa orang penulis. Sebenarnya terdapat banyak perbahasan di dalam menetapkan definisi yang tepat bagi perkataan kurikulum. Perkara ini digambarkan oleh Rosnani Hashim (2001) dalam tulisannya yang mengatakan istilah ‘kurikulum’ mempunyai berbagai makna yang menggambarkan perubahan konsepsi dan perbahasan yang berterusan dengan tujuan pendidikan, cara dan proses menerusi mana tujuan-tujuan ini dapat dicapai.

Omar Al-Syaibani (1979) mendefinisikan kurikulum adalah sebagai sejumlah pengalaman pendidikan, kebudayaan, sosial, olah raga, dan kesenian yang disediakan oleh sekolah bagi murid-muridnya di dalam dan di luar sekolah dengan maksud

menolong untuk berkembang menyeluruh dalam segala segi dan merubah tingkah laku mereka sesuai dengan tujuan-tujuan pendidikan.

Hass (1987) memberi definisi kurikulum yang lebih luas lagi yaitu:

“...all of experiences that individual learners have in a program of education whose purpose is to achieve broad goals and related specific objectives, which is planned in terms of framework of theory and research or past and present professional practice.”

Schubert (1986) menyatakan kurikulum mengandung beberapa imej. Menurut penulis ini, kurikulum adalah kandungan atau matapelajaran, mengandung satu program aktiviti-aktiviti yang telah dirancang, hasil pembelajaran yang ingin dicapai, penghasilan budaya, pengalaman, tugas-tugas dan konsep yang perlu dipelajari, satu agenda untuk mengubah sosial serta *curere (run a course)*. Menurutnya lagi, kurikulum tidak akan lengkap jika salah satu daripada imej berkenaan ditinggalkan.

Sementara itu, Razali Arof (1991) membahagikan definisi kurikulum kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama, secara amnya mendefinisikan kurikulum itu sebagai segala jenis pengalaman dan pembelajaran yang dipelajari oleh pelajar sama ada yang telah dirancang atau ditentukan oleh pihak sekolah ataupun yang tidak, dan sama ada pembelajaran dan pengalaman yang telah dipelajari itu positif atau pun negatif. Kumpulan kedua, mendefinisikan kurikulum sebagai segala jenis pembelajaran (konsep, kemahiran dan lain-lain lagi) yang telah dirancang oleh pihak sekolah dan dipelajari oleh pelajar. Takrif yang diberikan oleh kumpulan ketiga adalah lebih sempit, dengan mendefinisikan kurikulum sebagai segala jenis pembelajaran yang telah dirancang atau ditentukan yang perlu dipelajari oleh pelajar di dalam suasana dan lokasi yang formal.

Takrif kumpulan ketiga diatas, sejajar dengan pandangan H.M Arifin (1991) yang turut mendefinisikan kurikulum sebagai seluruh bahan pelajaran yang perlu disediakan dalam proses pendidikan di dalam sesebuah institusi pendidikan.

Kurikulum adalah salah satu komponen di dalam bidang pendidikan. Hasan Langgulung (1988) dalam membicarakan definisi kurikulum telah membahagikannya kepada empat komponen utama iaitu:

- i. Tujuan-tujuan yang ingin dicapai oleh pendidikan itu.
- ii. Pengetahuan, informasi-informasi, data-data, aktiviti-aktiviti dan pengalaman-pengalaman yang diperolehi daripada kurikulum tersebut.
- iii. Metod dan cara-cara mengajar yang digunakan oleh guru-guru untuk mengajar dan memotivasi murid untuk membawa mereka ke arah yang dikehendaki oleh kurikulum.
- iv. Metod dan cara penilaian yang digunakan dalam mengukur dan menilai kurikulum serta hasil proses pendidikan yang dirancang dalam kurikulum tersebut.

Tidak ketinggalan Ee Ah Ming (1994) berpendapat; kurikulum boleh dibahagikan kepada empat komponen yang saling berkait, iaitu objektif-objektif kurikulum, pengetahuan, pengalaman-pengalaman pembelajaran dan penilaian kurikulum.

Dalam Akta Pendidikan 1996, Kurikulum Kebangsaan dinyatakan sebagai:

“...Suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Merujuk kepada perspektif Islam, kurikulum dalam pendidikan Islam adalah merupakan kesepaduan yang harmoni di antara tiga komponen utama iaitu manusia (INSAN), alam sekitar dan Allah s.w.t. sebagai Maha Pencipta. Kurikulum ini dapatlah digambarkan seperti dalam gambarajah. (Rujuk lampiran 1)

Penyusunan kurikulum dalam pendidikan Islam mengandungi prinsip-prinsip yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Prinsip yang ditetapkan oleh Allah dan

diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. perlu dijadikan pegangan utama dalam merangka kurikulum pendidikan. Perkara ini jelas tergambar menerusi firman Allah s.w.t :

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّلَكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِنَ
 كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:

"Dan tuntutlah Dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya Yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan "

(Al-Qasas : 77)

2.3 Definisi Perkembangan kurikulum

Perkembangan kurikulum bermaksud perancangan peluang-peluang atau kesempatan-kesempatan pembelajaran yang bertujuan untuk melahirkan perubahan-perubahan tertentu dalam pemikiran atau kelakuan murid serta mengukur sejauh manakah perubahan-perubahan ini berlaku. (Rujuk lampiran 2)

Perkembangan kurikulum adalah satu proses yang berpusing. Konsep perkembangan kurikulum seperti ini membawa maksud bahawa tidak terdapat satu pun titik permulaan dan merupakan satu proses yang tidak ada akhirnya. Konsep tersebut dapat difahami seperti dalam rajah di bawah. (S. Howard Nicholls & Audrey Nicholls. 1992). (Rujuk lampiran 3)

2.4 Jenis-jenis kurikulum

Warwick (1975) menerangkan bahawa terdapat tiga dimensi atau aspek kurikulum yang jelas, iaitu kurikulum formal atau ketara, kurikulum ideal dan kurikulum tersembunyi (terselindung).

Ee Ah Ming (1994), menyatakan kurikulum formal merujuk kepada segala aktiviti yang nyata berlaku di sesebuah sekolah manakala kurikulum ideal ialah prinsip-prinsip yang terlibat dalam pembentukan sesuatu kurikulum dengan mengambil kira pandangan-pandangan daripada semua pihak yang terlibat dalam sistem sekolah iaitu pengetua, guru besar, guru, nazir sekolah, kakitangan sumber, pensyarah-pensyarah, ahli politik, ibu bapa dan lain-lain. Maksud kurikulum tersembunyi pula ialah hasil sampingan daripada kurikulum formal dan kurikulum ideal.

3.0 HUBUNGAN PENDIDIKAN DENGAN KURIKULUM

Pendidikan merupakan satu-satunya alat yang dapat membangunkan ummah Islamiyah. Sejarah telah membuktikan bagaimana proses pendidikan yang dikendalikan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam membangunkan ummah yang dahulunya bercerai berai, bersengketa dan penuh dengan detik-detik penzaliman dan penindasan. Proses pendidikan yang dijalankan oleh Rasulullah s.a.w. ialah menerusi *dakwah* dan *tarbiyyah*. Sepanjang hayat baginda, baginda tidak pernah meninggalkan tanggungjawab ini.

Pendidikan merupakan aset terpenting dalam pembangunan insan, pembangunan negara dan pembangunan tamadun keseluruhannya. Tiada satu negara dan tamadun pun terbina di dunia ini, melainkan umat mereka terdidik dengan sempurna. Oleh kerana pentingnya pendidikan, maka ianya menjadi agenda utama dalam usaha untuk membangunkan sesebuah negara. (Mohd Yusof Othman, 1998) Justeru kurikulum pendidikan mempunyai peranan yang penting dan tersendiri di dalam usaha melahirkan generasi berilmu yang berupaya memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah s.w.t di dunia ini.

Ilmu adalah teras sistem nilai agama dan menduduki tempat yang amat tinggi. Penekanan terhadap ilmu dalam ajaran Islam jelas ternyata dalam sumber-sumber asas agama iaitu al-Quran dan ajaran Nabi Muhammad s.a.w. (al-Sunnah), dan semua tokoh-tokoh Islam dari dahulu hingga sekarang. Penekanan pada pembacaan, sebagai alat penting dalam usaha keilmuan, dan pengiktirafan Allah sebagai sumber ilmu pengetahuan manusia merupakan perkara awal yang diwahyukan ke atas Nabi Muhammad s.a.w. yang ummi. Surah Al-Alaq ayat 1-5 yang diakui oleh semua cendekiawan Islam sebagai wahyu pertama.

4.0 SEJARAH PENDIDIKAN DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W.

Perutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai rasul merupakan titik permulaan kepada satu era baru dalam bidang pendidikan. Pendidikan bersepadu telah diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. dengan Al-Quran dan Sunnah dijadikan panduan dan sumber ilmu. Pendidikan yang berpaksikan konsep Tauhid telah dinyatakan dengan jelas dari segi matlamat dan konsep yang mendasarinya. (Syed Ali Ashraf.1994). Generasi pertama didikan Rasulullah s.a.w. selama 13 tahun di Makkah dan 10 tahun di Madinah dikenali sebagai generasi al-Qur'an atau '*Jail al-Qur'an*'. (Azam Hamzah, Zulekha Yusoff, 1990)

Pada masa wahyu pertama diturunkan oleh Allah s.w.t, di kota Mekah hanya terdapat 12 orang sahaja penghuninya yang tahu membaca manakala di Madinah pula hanya 11 orang. Namun pandangan Rasulullah s.a.w terhadap perlunya ilmu dapat dilihat dalam tindakan kebijakannya apabila memberi pilihan kepada musuh Islam yang ditangkap dalam Perang Badar. Tawanan diberi pilihan untuk menebus diri dengan mengajar 10 orang kanak-kanak Islam Madinah membaca dan menulis. (Abdul Rahman Nawas, Nawawi Mohammad, Omardin Ashaari, Arip Saaya, 1995)

Pendidikan di zaman Rasulullah s.a.w dapat dibahagikan kepada dua peringkat iaitu pendidikan di Mekah dan pendidikan di Madinah. Perbincangan ini akan menyentuh tentang perkembangan pendidikan di kedua-dua tempat bagi memperlihatkan

perkembangan kurikulum pendidikan Islam yang menjadi asas bidang pendidikan umumnya.

4.1 Perkembangan bidang pendidikan di Mekah.

Pendidikan Islam yang pertama lahir di rumah Al-Arqam ibn Abi Al-Arqam di As-Safa, Mekah pada tahun 610 M. Pendidikan tersebut telah diatur dan dikendalikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. secara sulit selama kira-kira tiga tahun. (Zawawi Ahmad, 1984) Galakan Rasulullah s.a.w. kepada umat Islam, supaya menguasai berbagai ilmu pengetahuan, bukan sekadar kata-kata dalam bentuk sabda atau teori sahaja, malahan diperlihatkannya menerusi amalan. Baginda tidak berhenti-henti menyampaikan ilmu Allah itu sama ada di rumahnya, di rumah sahabat seperti di rumah Al-Arqam bin Abi Al-Arqam, di masjid juga di tempat-tempat perhimpunan. Rasulullah s.a.w sekali-kali tidak mengizinkan individu dan masyarakat Islam berada dalam kejahilan dan buta huruf. (Abdullah Ishak, 1989)

Rasulullah s.a.w. sendiri memerintahkan supaya sahabat-sahabat belajar menulis. Baginda menyuruh agar setiap seorang memberi pelajaran kepada keluarganya. Pada zaman permulaan itu, umat Islam hanyalah mengambil berat tentang hukum-hukum agama dari al-Quran dan tafsirnya, hadith dan hal-hal mengenai periwayatan hadith serta bagaimana menentukan hukum hakam mengenai sesuatu perkara dan masalah yang baru berlaku dari satu masa ke satu masa. (Khairuddin Muhammad, 1979).

Galakan Rasulullah s.a.w. supaya memiliki ilmu pengetahuan bukan sahaja tertentu kepada golongan lelaki juga kepada golongan perempuan, sebagai contoh Junjungan pernah mengundang Shafah Al-Adawiyah mengajar isterinya Sayyidah Hafsa mengenai tulis menulis dan membaca. Kegiatan dan galakan Rasulullah s.a.w itu kemudiannya menghasilkan bilangan umat Islam yang ramai sama ada lelaki atau wanita yang pandai membaca dan menulis atau dengan kata lain; yang berilmu pengetahuan.

4.2 Perkembangan bidang Pendidikan di Madinah

Perkembangan ilmu pengetahuan (dakwah) dan pendidikan Islam lebih pesat apabila Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah pada tahun 632 Masihi. Sejalan dengan perkembangan dan penurunan wahyu, kegiatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk yang lebih meluas, sistematik dan formal. Pelbagai aspek kehidupan dipelajari dan diajar kepada mereka.

Memandangkan kepada kepesatan perkembangan Islam maka lebih banyak sekolah didirikan pada masa tersebut. Menurut Ghazali Darusalam (2001), terdapat sembilan buah sekolah yang telah dibina pada zaman Rasulullah s.a.w dan antara yang terpenting ialah sekolah kaabah. Rasulullah s.a.w sering melawat sekolah itu dan mengadakan perbincangan dengan pelajar-pelajarnya. Di samping itu, Rasulullah s.a.w juga menghantar guru-guru untuk mengajar di seluruh wilayah Islam di Semenanjung Tanah Arab.

5.0 FALSAFAH /PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W

Menurut S.S. Husain dan S.A Ashraf (1989), setiap satu sistem pendidikan merangkumi suatu falsafah tertentu yang terhasil dari suatu konsep tertentu dan ia tidak dapat diasingkan sama sekali. Islam mengandungi suatu konsep umum dan lengkap yang mendasari suatu polisi pendidikan yang lengkap, unik dan istimewa.

Pemikiran pendidikan pada peringkat awal dalam sejarah Islam ini wujud dalam ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. dan pada hadith-hadith Rasulullah s.a.w. ketika baginda berbicara dengan sahabat-sahabat baginda dan mengajak manusia percaya kepada Allah s.w.t. dan meninggalkan penyembahan berhala.

Pemikiran pendidikan yang wujud daripada dua sumber utama pendidikan Islam ini bukanlah fikiran pendidikan yang betul-betul seperti yang difahami dalam pemikiran moden, tetapi pemikiran pendidikan yang bercampur dengan pemikiran politik, ekonomi,

sosial, sejarah dan peradaban yang keseluruhannya membentuk kerangka umum ideologi Islam.

Rasulullah s.a.w. dalam ucapannya mengatakan bahawa segala tingkah laku dan sikapnya merupakan gambaran hidup terhadap pemikiran pendidikan Islam. Ketika Siti Aisyah r.a ditanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w. beliau mengatakan, akhlaknya adalah al-Quran. Kemudian bagindalah guru teragung kepada sekolah Islam ini, beliau sendiri lulusan sekolah Ilahiyah di Gua Hira' yang telah meletakkan garis-garis besar pemikiran pendidikan ini dalam al-Quran. (Hasan Langgulung, 1987)

Sabda Rasulullah s.w.a bermaksud :

“Barangsiapa yang mahukan dunia hendaklah dia berilmu. Barangsiapa yang mahukan akhirat hendaklah dia berilmu. Barangsiapa yang mahukan kedua-duanya maka hendaklah (juga) dia berilmu.”

Konsep pendidikan Islam seperti diamalkan pada zaman Rasulullah s.a.w sebenarnya adalah gubalan daripada Allah s.w.t. Oleh itu keunggulannya tidak dapat dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Konsep tersebutlah yang mendasari falsafah pemikiran pada zaman tersebut.

6.0 OBJEKTIF PENDIDIKAN ZAMAN RASULULLAH

Pendidikan Islam bermula sejak Nabi Muhammad s.a.w. menerima wahyu kenabian dan kerasulannya. Setelah mendapat wahyu baginda s.a.w. terus menyeru dan membimbing masyarakatnya supaya meninggalkan perbuatan keji dan sebaliknya melakukan sesuatu yang baik. Di sinilah bermulanya pendidikan Islam terhadap orang-orang Arab di Makkah.

Pendidikan yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w bertujuan untuk membentuk peribadi yang mulia dan hidup bersaudara mengikut ajaran yang disampaikannya. Ini meliputi berbuat baik, berkasih sayang, berlaku adil, jujur, amanah, sabar, bertawakkal,

sanggup berjuang pada jalan Allah s.w.t serta bertaubat apabila melakukan kesalahan. (Mohd Mokhtar Shafii, 2003)

Objektif pendidikan tersebut ialah untuk membentuk Syakhsiyyat Islamiyyat yang tulen serta mampu berjuang bagi menegakkan Islam agama Allah yang suci. Oleh itu isi kandungan pendidikan yang disampaikan itu bergantung kepada wahyu daripada Allah s.w.t sendiri. Dengan yang demikian bermakna bahawa kelahiran pendidikan Islam adalah merupakan satu era baru bagi dunia pendidikan yang ada pada masa itu. (Zawawi Ahmad, 1984)

7.0 SUMBER PENDIDIKAN ZAMAN RASULULLAH

7.1 Wahyu (ayat-ayat Al-Quran) dan al-Hadith

Pendidikan Islam menjadikan al-Quran sebagai sumber utama penyusunan kurikulumnya serta ditambah dengan al-Hadith untuk melengkapinya. Di dalam al-Quran dan hadith terdapat kerangka dasar yang dapat dijadikan sebagai pedoman dalam penyusunan kurikulum Pendidikan Islam. Kerangka tersebut adalah Tauhid dan perintah membaca. Ini jelas tergambar di dalam ayat 1-5 surah al-Alaq.

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ أَلَمْ يَخْلُقْنَا مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَلَمْ يَكُنْ عَلَّمًا بِالْقَلَمِ ﴿٣﴾ أَلَمْ يَكُنْ عَلَّمًا لِلْإِنْسَانِ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٤﴾

1. Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), 2. Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; 3. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - 4. Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan, -5. Ia mengajarkan manusia apa Yang tidak diketahuinya.

(Surah al-Alaq :1-5)

Menurut Hasan Langgulung (1985), ditinjau dari segi kurikulum, sebenarnya firman Allah s.wt itu merupakan asas utama pendidikan yang mencakupi seluruh ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia. Membaca selain melibatkan proses mental

yang tinggi, turut melibatkan pengenalan (cognition), ingatan (memori), pengamatan (perception), pengucapan (verbalization), pemikiran (reasoning) dan daya cipta (creativity).

Ayat al-Quran pada zaman permulaan Islam hanyalah beberapa ayat yang diturunkan dari semasa ke semasa mengikut *asbabun nuzul*. Ajaran yang terkandung di dalam al-Quran inilah yang diajarkan oleh baginda s.a.w kepada pengikutnya pada masa itu. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab dengan mengandungi unsur sastera yang tinggi, susunan ayat yang indah, susunan bahasa yang mantap dan menarik, makna yang mendalam, ruang lingkup yang luas dan meliputi segala aspek kehidupan manusia. Rasulullah selaku pendidik kemudiannya memberi penerangan dan penjelasan sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak difahami menerusi hadith baginda.

Wan Abdullah Wan Mahmood (1989) sependapat dengan pengkaji sejarah Islam yang lain dengan menyatakan bahawa Rasulullah merupakan orang yang pertama sebagai guru dalam pendidikan Islam yang berlandaskan kepada kitab yang tidak dapat diragukan lagi sehingga hari akhirat iaitu *al-Quran al-Karim*. Dengan adanya al-Quran yang menjadi dasar dan asas yang konkrit sebagai obor, maka kaum muslimin keseluruhannya hidup dalam keadaan aman damai serta tersusun bermula dari individu, keluarga, masyarakat, negara, di dunia dan di akhirat. Sepotong firman Allah s.w.t ada menyebut:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Semua pandangan pengkaji sejarah adalah sejajar dengan pandangan Al-Qur’an yang telah menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. merupakan seorang pendidik kepada seluruh manusia. Walaupun baginda sendiri tidak boleh membaca (ummi) dan tidak mempunyai pengajian yang formal tetapi baginda diajar secara langsung oleh Allah s.w.t

melalui perantaraan malaikat Jibril a.s. Terdapat banyak dalil daripada ayat al-Quran dan al-Hadith yang menunjukkan baginda adalah seorang pendidik yang unggul.

8.0 ISI KANDUNGAN PENDIDIKAN ZAMAN RASULULLAH

Afzalur Rahman (1993) menyebut bahawa ayat Al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w di kota Mekah, yang mengambil masa kira-kira tiga belas tahun hanya menyentuh satu persoalan sahaja iaitu persoalan asas tentang agama baru iaitu Islam. Persoalan yang dibahaskan adalah tentang aqidah dan mempunyai dua aspek utama iaitu aspek ketuhanan dan kemanusiaan, serta hubungan antara kedua-duanya. Dalam ayat yang diturunkan di Mekah, al-Qur'an menerangkan kepada manusia tentang rahsia kewujudannya dan juga rahsia alam di sekelilingnya.

Intipati pendidikan Rasulullah s.a.w di Mekah tergambar menerusi ayat-ayat Makkiyyah yang antara lain menyentuh tentang aqidah yang benar, mengajak kepada tauhid, beribadat dan menggesa supaya menjauhkan diri daripada syirik. Perkara lain yang turut mendasari ayat-ayat Makkiyyah ialah gesaan agar manusia meneliti bukti kejadian, kekuasaan Allah, pengukuhan aqidah, serta pembentukan akhlak dan perletakan dasar umum dalam perundangan. (Rosmawati Ali @ Mat Zin, 1997)

Di dalam semua pengajaran yang telah diberikannya selama dua puluh tiga tahun, Rasulullah s.a.w. menekankan tentang keimanan, syariat dan akhlak. Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur selama kira-kira 23 tahun. Ayat-ayatnya diturunkan apabila berlaku sesuatu kejadian dan timbul masalah yang mustahak diberi penerangan dan hukum-hukum. Sahabat-sahabat Nabi menulis ayat-ayat al-Quran itu di atas tulang, pelepah tamar, belulang kambing dan sebagainya. (Khairuddin Muhammad. 1979). Berdasarkan wahyu al-Quran tersebut maka berkembanglah ilmu pendidikan pada zaman itu.

8.1 Pendidikan Aqidah

Tauhid merupakan asas pendidikan Rasulullah s.a.w. Baginda menerangkan bukan sahaja makna dan kepentingannya, tetapi juga segala perintah Allah s.w.t dan kewajipan setiap orang supaya beriman kepada Allah Yang Esa. (Afzalur Rahman, 1992). Peranan aqidah dalam pendidikan pembangunan tidak dapat disangkal lagi malahan banyak disebut oleh Allah s.w.t di dalam firman-Nya.

Baginda mengajar aqidah dengan memberikan penekanan kepada aspek kognitif iaitu menanam rasa keimanan kepada Allah s.w.t (untuk menggantikan bertuhankan kepada berhala) di akal dan jiwa umatnya. Konsep-konsep *uluhiyyah* dan *rububiyah* serta perkara-perkara yang berkaitan dengan *Assammiyat wa al-Ghaiyibat* ditekankan terlebih dahulu dengan tujuan membasmi aqidah yang batil yang dianuti oleh masyarakat Arab Jahiliah. (Ahmad Mohd Saleh, 1988) *Rububiyatullah* (swt) bermaksud mengimani bahawa Allah (swt) yang menjadikan sesuatu, menghidupkan dan mematikan, memiliki dan berkuasa serta sifat-sifat Allah yang lain. *Uluhiyyah* pula mengimani bahawa Allah sahajalah yang berhak menerima pengabdian dan inilah di pengertian *Lailaha illallah*, pengabdian dan tidak seharusnya diberikan kepada yang selain daripada Allah.

Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan ajaran Tauhid yang tulen di kalangan sesetengah-sesetengah orang dengan kata-kata yang jelas dan memperkenalkan mereka kepada Pencipta dan Tuhan mereka yang sebenar. Sebenarnya Nabi Muhammad telah membebaskan kaumnya daripada sistem perhambaan dan membawa mereka sujud dan tunduk kepada Pencipta mereka. Baginda mengajar mereka konsep Allah yang suci sebagai Tuhan dan Pemilik seluruh alam. (Afzalur Rahman.1992.)

Golongan Muslim hasil didikan Rasulullah s.a.w merupakan golongan yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji dan mempunyai keimanan yang kental serta tidak dapat diubah oleh sebarang rintangan dan penyiksaan. Pegangan tauhid yang kuat ini dapat dihayati daripada kisah Bilal bin Rabbah. Kekuatan iman dan kekukuhan aqidah juga menjadikan masyarakat pada zaman tersebut sanggup berjihad sama ada harta ataupun nyawa.

8.2 Pendidikan Akhlak

Setelah mencapai matlamat pendidikan Tauhid, Rasulullah s.a.w menumpukan pula kepada bidang pembentukan akhlak. Aspek yang berkaitan dengan sistem nilai (*internal*), tingkah laku dan pergerakan indera (*external/ psikomotor*) murid dibimbing agar sesuai dengan keyakinan (iman) akidah yang dipegang oleh masyarakat Arab Jahiliah.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

“Dan bahawa sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak yang amat mulia”.

Rasulullah s.a.w sendiri pernah bersabda yang bermaksud:

أَنَا بَعُثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak (budi pekerti yang mulia)

(Riwayat Ahmad)

Pembinaan akhlak itu sangat penting dan merupakan satu daripada sebab Allah (swt) mengutuskan Nabi Muhammad (s.a.w) ke dunia.(Ahmad Mohd Saleh,1998) Kesempurnaan akhlak dan budi pekerti Rasulullah merangkumi enam perkara iaitu akal yang cerdas, teguh menghadapi sebarang dugaan getir dan sabar menghadapi sebarang bentuk kepayahan serta bersifat zuhud terhadap dunia dan *qanaah* Baginda juga bersikap merendah diri terhadap manusia sedangkan mereka adalah golongan pengikut dan golongan bawahan yang sentiasa mentaatinya. Di samping itu baginda sentiasa sopan, tenang walaupun sewaktu berada di dalam suasana yang menggelisahkan dan menakutkan juga berlapang dada di dalam sebarang perbalahan. Tidak ketinggalan baginda seorang insan yang bersifat pemaaf.

Pendidikan akhlak amat dititik beratkan oleh Rasulullah memandangkan semua ibadah tidak terpisah daripada akhlak. Menurut Mohd Kamal Hassan (1988), seseorang

yang mempunyai keteguhan aqidah serta tekun beribadah seharusnya mempunyai budi pekerti yang mulia dan bersopan santun dalam pergaulannya sesama manusia.

8.3 Pendidikan Syar'iyah

Sejajar dengan penurunan ayat-ayat al-Quran di Madinah atau lebih dikenali sebagai ayat Madaniah, pendidikan Islam telah berkembang kepada pelbagai disiplin ilmu yang lain. Pada peringkat Madinah, pendidikan *Syar'iyah* mula diberi penekanan oleh Rasulullah s.a.w memandangkan perkara berhubung keimanan telah mula bertapak kukuh di dalam diri umat Islam. Pendidikan syar'iyah yang diajar adalah bersumberkan wahyu Allah s.w.t. Perkara ini dapat diperhatikan menerusi intipati yang mendasari ayat-ayat Madaniah.

Ayat-ayat Madani yang bersifat *Qat'i* mengandungi perkara tentang keizinan berperang, berjihad, dialog dengan ahli kitab serta mengajak mereka menerima Islam, dan ancaman kepada orang munafik. Intipati ayat-ayat Madani yang bersifat *Aghlabi* pula adalah berhubung ibadah, mualamat, munakahat, sosial, jihad serta hubungan antarabangsa. (Rosmawati Ali @ Mat Zin, 1997)

8.4 Kemahiran lain

8.4.1 Kesusasteraan

Pada zaman Rasulullah, orang Islam tidak memberi perhatian besar terhadap bidang kesusasteraan. Tema kesusasteraan Arab pada zaman itu boleh dikatakan tidak mengalami apa-apa perubahan dalam keadaannya sebelum itu. Kesusasteraan hanyalah dalam bentuk syair belaka mencerminkan kehidupan orang Arab zaman jahiliah. Al-Quran ada menyentuh tentang ahli syair (surah 26 ayat 224 dan 226) tentang penyair yang terdapat antara mereka itu bersikap tidak baik. Peranan syair dalam masyarakat tidak dapat dinafikan. Penyair-penyair yang mempertahankan sikap dan pengajaran yang baik mendapat sanjungan yang tinggi seperti penyair Hassan bin Thabit yang pernah

dipuji oleh Rasulullah s.a.w kerana sikap baiknya dan pandangan suci. Nabi pernah menegaskan bahawa dalam syair terdapat hikmat iaitu ketinggian dan kemuliaan budi. (Khairuddin Muhammad. 1979)

8.4.2 Kemahiran fizikal

Kemahiran lain yang turut diajar selain daripada ilmu-ilmu yang telah dibincangkan adalah kemahiran fizikal seperti menunggang kuda, gusti, larian, permainan pedang dan berenang.

9.0 METODOLOGI PENDIDIKAN ZAMAN RASULULLAH

Menurut Barnadib (1987), metod ialah suatu teknik untuk menemukan, menguji, dan menyusun data yang diperlukan bagi pengembangan disiplin tersebut. Di samping itu metod juga menjelaskan tentang cara teknik, atau pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk sesuatu tujuan. Dalam konteks pendidikan Islam, metod bererti menggunakan cara tertentu untuk mendekati sesuatu bagi mencapai sesuatu objektif. (Ghazali Darusalam, 2001).

Metodologi Rasulullah pada peringkat awal di Mekah ialah menggunakan prinsip-prinsip *Qudwah Hasanah* iaitu metod ‘contoh dan teladan’ sesuai dengan isi kandungan pendidikan yang menekankan mata pelajaran Aqidah dan Akhlak (sahsiah). (Ghazali Darusalam, 2001)

Melalui metod *Qudwah Hasanah* Rasulullah s.a.w. mengamalkan segala ucapannya dengan sungguh-sungguh menyebabkan pengikutnya turut mencontohi segala perbuatan baginda.. Dengan itu melalui sifat-sifat keguruan yang tinggi, ajaran baginda telah meninggalkan kesan yang mendalam yang dapat dihayati oleh murid-murid baginda. Dengan metod *mahabbah* (kasih sayang yang penuh dengan rasa mesra dan

kelembutan) menyebabkan pengajaran Rasulullah s.a.w dapat diterima oleh murid-muridnya.

9.1 Langkah Pengajaran di Mekah

Baginda telah menggunakan pendekatan yang berkesan dengan kaedah-kaedah pengajaran yang unggul dan tersendiri. Baginda berjaya membentasi penyakit buta huruf dan sentiasa menggalakkan umatnya agar tidak jemu di dalam menuntut ilmu Allah s.w.t dan menyampaikannya kepada orang lain.(Abdul Fatah Abu Ghuddah. 2001). Langkah pengajaran Rasulullah dapatlah digambarkan seperti berikut :

1 Rasulullah s.a.w menerima wahyu daripada Allah s.w.t. dan telah menyampaikan setiap wahyu yang diterimanya kepada mereka yang hadir di rumah Al-Arqam Ibn Abi Al-Arqam. Baginda membaca ayat-ayat yang diterimanya serta menjelaskan maksud ayat-ayat tersebut kepada pengikutnya supaya dapat difahami dan dihayati sepenuhnya. Di samping itu baginda juga membimbing mereka menghafal ayat-ayat tersebut serta menyuruh mereka menuliskannya. Seterusnya baginda menunjukkan kepada mereka bagaimana pula cara mengamalkan dan menghayati segala pengajaran ayat-ayat tadi.

2 Baginda mendidik mereka dengan penuh rasa mesra dan kasih sayang. Baginda memiliki sifat penyayang dan pengasih, menjauhkan perkara yang menyusahkan dan suka kepada kemudahan, berkasih sayang terhadap golongan pelajar, mengambil berat kepada mereka dan sentiasa mencurahkan segenap tenaga pada setiap ketika dan keadaan.

3 Pendidikan baginda menekankan aspek ilmu pengetahuan (kognitif) dan sikap serta tingkahlaku. Metod *Qudwah Hasanah* dan *mahabbah* yang digunakan oleh baginda Rasulullah s.a.w menghala kepada dua arah/sasaran pendidikan iaitu dan aspek kognitif (akal) dan aspek psikomotor (amalan/perlakuan)

9.2 Langkah pengajaran di Madinah

1. Baginda telah mendirikan masjid dan menggunakannya sebagai tempat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada umat.
2. Baginda telah memperkenalkan sistem *halaqat* di masjid. Selepas setiap kali sembahyang para muslimin mengelilinginya untuk mempelajari segala apa yang mereka perlukan untuk kaum wanita. (Kinnany, 1980) Baginda membaca ayat-ayat al-Quran yang diterimanya, menerangkan maksudnya kemudian menyuruh sahabat-sahabat menghafaz ayat-ayat tersebut. Inilah isi kandungan pendidikan Islam pada masa itu. Sahabat-sahabat pula mengajar keluarga mereka di rumah masing-masing. (cari tajuk)

Sahabat-sahabat berusaha bersungguh-sungguh untuk menghafaz dan mengingat ayat-ayat yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. Pada setiap malam mereka membaca al-Quran dan mengulang-ulangkan bacaan yang telah dihafaz.

Menurut a-Naqib (1984), selain daripada ini terdapat satu golongan sahabat yang digelar *Ahlu-Suffah* atau *Ikhwanus Suffah* yang berusaha mendalami ilmu-ilmu Islam berdasarkan al-Quran dan A-Sunnah yang berusaha mendalami ilmu-ilmu Islam berdasarkan al-Quran dan As-Sunnah. Jumlah mereka lebih kurang 20 orang, ada pendapat yang mengatakan 40 orang. (Menurut cari tajuk) Kerja mereka ialah membuat penyelidikan, mendalami ilmu dan mengajar. Ahlu-Suffah bukan sahaja mengajar al-Quran, tetapi menyelidik hukum-hukum al-Quran, ilmu-ilmu dari al-Quran dan juga penulisan bahasa al-Quran.

3. Rasulullah mengajar pengikutnya di masjid dan seminggu sekali mengajar kaum wanita.

Selepas ramai memeluk Islam, Rasulullah s.a.w. telah menyusun semula cara pengajarannya. Semasa di Madinah, Baginda telah menyusunnya dalam tiga bentuk iaitu (Zawawi Ahmad, 1984):

i. Bentuk Umum

Pengajaran dalam bentuk ini disampaikan oleh baginda sendiri atau oleh wakil-wakil yang dilantiknya untuk pergi ke sesuatu tempat di luar Madinah. Pengajaran disampaikan melalui khutbah selepas sembahyang atau melalui khutbah Jumaat. Pengajaran dalam bentuk ini biasanya menyentuh tentang konsep-konsep aqidah, syariat atau kemasyarakatan dengan secara umum. Selain dari berkhotbah, baginda Rasulullah s.a.w. telah memberikan juga pengajarannya melalui amalan, tingkahlaku dan juga melalui pergaulannya dengan orang ramai. Pengajaran yang telah diberi baginda secara amali (*practical*) itu telah dapat meninggalkan kesan yang lebih mendalam di dalam hati setiap orang yang menyaksikannya dengan fikiran. Selain dari itu ia juga bermakna bahawa pendidikan bukan hanya dapat diberi melalui pengajaran tetapi juga melalui amalan guru itu sendiri.

ii. Bentuk Khusus

Pengajaran yang berbentuk khusus ialah pengajaran yang diberikan oleh baginda kepada orang-orang yang tertentu dari semua lapisan tanpa mengira tempat dan masa. Di antara mereka yang diberinya ialah kanak-kanak, pendatang dan para sahabat sendiri.

iii. Bentuk Institusi

Pengajaran dalam bentuk ini lebih merupakan 'itensi'. Pengajaran ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat menulis dan membaca, dan peringkat *Ashab al-Suffat*. Peringkat menulis dan membaca diberikan kepada kanak-kanak. Untuk mencapai matlamat tersebut, Rasulullah s.a.w. telah melantik para sahabat yang berkebolehan untuk menjadi guru. Di samping itu baginda juga telah memerintahkan orang-orang tawanan Badar yang berkebolehan supaya tiap-tiap seorang dari mereka mengajar sepuluh orang kanak-kanak muslim di Madinah, menulis dan membaca sehingga pandai, bagi menebus diri mereka dari menjadi orang tawanan perang. Mereka ditempatkan di bangunan di sekeliling masjid dan diberi bantuan.

9.3 Teknik Pengajaran

Abdul Fattah Abu Ghuddad (2001) menyenaraikan sebanyak empat puluh teknik pengajaran yang diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w ketika menyampaikan ilmu. Di antaranya ialah dialog dan soal jawab, bahasa kiasan dan perumpamaan, perbandingan, melukis dan melakar, menguji dan memuji, pendekatan seloka dan gurau senda, muqaddimah yang lembut dalam perkara yang memalukan dan lain-lain lagi.

Ghazali Darusalam (2001) pula menyatakan Rasulullah s.a.w mempunyai cara atau kaedah dalam menyampaikan pengajaran. Antaranya ialah kaedah yang bersifat kognitif, efektif dan psikomotor. Antara kaedah pengajaran baginda ialah kuliah dan khutbah, dialog dan perbincangan, soal jawab, hafalan, perdebatan, pengajaran secara praktikal atau demonstrasi, dan halaqah.

Contoh kaedah pengajaran menggunakan lukisan pernah digunakan oleh Rasulullah s.a.w untuk mentafsir ayat-ayat al-Quran. (Rujuk lampiran 4). Antaranya ialah firman Allah s.w.t yang bermaksud (Ghazali Darusalam, 2001) :

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ
ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.

(Al-An'am : 153)

10.0 INSTITUSI PENDIDIKAN PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W

10.1 Institusi pendidikan pertama : Rumah al-Arqam bin Abi Al-Arqam

Islam mengenali institusi pendidikan semenjak detik-detik awal turunnya wahyu kepada Nabi s.a.w. Rumah al-Arqam bin Abi Al-Arqam merupakan institusi pendidikan yang pertama. Guru pertama iaitu Nabi s.a.w. mengumpulkan sekumpulan kecil pengikut-pengikutnya yang percaya kepada baginda secara sulit, di rumah inilah baginda mengajar kumpulan kecil ini ayat-ayat al-Quran yang diturunkan melalui malaikat Jibril, dan membentuk ideologinya sesuai dengan ajaran-ajaran Islam yang mulia.

Mohd Yusuf Ahmad (2005) pula menyatakan institusi pendidikan pertama ialah rumah baginda s.a.w.sendiri. Di sinilah Baginda s.a.w. mengajar dan mendidik ahli rumahnya dengan didikan Islam, iaitu percaya kepada kewujudan Allah yang Maha Esa. Mereka termasuklah isterinya, Khadijah, Ali bin Abi Talib dan hambanya Zaid bin Harithah. Setelah ramai pengikutnya maka baginda berpindah di rumah lain yang digelar *Dar al-Arqam*. Iaitu sebuah rumah kepunyaan al-Arqam bin Abil Arqam yang telah dijadikan markas pendidikan Islam. Nabi Muhammad s.a.w. merupakan guru pertama dan pendidik yang ulung dalam sejarah umat Islam.

10.2 Institusi pendidikan kedua : Masjid

Pada zaman Rasulullah s.a.w. peranan masjid bermula dengan pembinaan Masjid Quba' pada tahun 622M. Masjid menjadi institusi penting media penyampaian ilmu pada ketika itu. Rasulullah menyampaikan pengajarannya di masjid untuk menerang dan menjelaskan Islam sebagai satu *Din* yang syumul. Sejarah pendidikan Islam mempunyai pertalian yang erat dengan masjid. Masjid sebagai tempat perhimpunan untuk Rasulullah menyampaikan wahyu daripada Allah s.w.t. (Shaikh Ali Mohamad Mokhtar, 1997)

Selepas perpindahan Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam ke Yathrib, baginda telah membina dua buah masjid iaitu Masjid Quba' dan Masjid Nabawi dan serentak

dengan itu nama Yathrib telah ditukar kepada Madinah. Bermula dari sini masjid telah menjadi institusi pendidikan terpenting pada masa itu hingga ke hari ini. (Mohd Yusuf Ahmad, 2005)

Menurut Mohd. Mohadis Haji Yasin (1997), Rasulullah telah mengadakan satu program khas di masjid kepada golongan yang baru menganut Islam. Program tersebut dikenali sebagai *tafaqquh fi al-Din* khususnya di Masjid Nabawi, Madinah. Baginda sendiri bertindak sebagai guru yang utama kepada mereka. Mereka sentiaa mendampingi Rasulullah untuk mempelajari asas-asas Islam secara intensif, siang dan malam. Sementara bagi mereka yang bekerja dalam bidang pertanian, perniagaan dan perdagangan mempelajari Islam bersama Rasulullah ketika masa lapang.

10.3 Institusi ketiga : Al-Suffah atau surau

Perkembangan pendidikan semakin pesat. Masjid tidak lagi mampu menampung jumlah mereka yang datang untuk belajar kerana terlalu ramai, maka *al-Suffah* atau surau dibina demi melanjutkan pembinaan institusi pendidikan. (Tamadun Islam 1997. Editor Ahmad Fauzai Morad et.al)

Untuk mengembangkan lagi rancangan pendidikan, Rasulullah s.a.w telah menghantar sekurang-kurangnya 40 orang sahabat r.a. untuk menjadi guru kepada masyarakat di luar Madinah. Dengan pelbagai rancangan yang diperkenalkan, masjid dan *al-Suffah* menjadi tempat pengajian utama ketika itu. (Tamadun Islam. 1997. Editor Ahmad Fauzi Morad et.al)

11.0 KESIMPULAN

Pendidikan yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w adalah merupakan satu bentuk pendidikan bersepadu yang menekankan aspek perkembangan rohani dan jasmani ke arah melahirkan generasi Muslim yang mempunyai keseimbangan serta mampu menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah di alam ini.

Jelasnya kurikulum pendidikan yang diaplikasi ketika itu merupakan satu bentuk pendidikan yang mempunyai sistem berbanding zaman sebelumnya iaitu zaman jahiliah. Pendidikan pada zaman Rasulullah memperlihatkan tahap-tahap kemajuan pemikiran yang merubah sikap, pandangan hidup dan perlakuan manusia. Penurunan ayat-ayat al-Quran kepada Rasulullah s.a.w di Gua Hira' merupakan titik tolak bermulanya pendidikan Islam.

Pendekatan Rasulullah s.a.w di dalam menyampaikan pengajarannya berjalan selari dengan kegiatan dakwah Islamiyyah. Tegasnya ketika itu pendidikan (*tarbiyyah*) dan dakwah merupakan dua komponen yang saling melengkapi dan bergerak selari. Rasulullah memainkan peranan sebagai pendakwah dan pendidik dengan berkesan sehingga berjaya menyemai bibit keimanan dan akhlak *mahmudah* di kalangan umat pada ketika itu dan terus dicontohi dan dihayati sehingga kini.

Dengan bersumberkan al-Quran dan dihuraikan serta dijelaskan oleh al-Hadith, kurikulum pendidikan Islam telah mula bertapak dan berkembang pesat. Keunggulan Rasulullah sebagai pendidik pertama dan utama yang mendapat didikan dari Allah s.w.t, sinar iman dan cahaya Islam mula menggantikan kesesatan dan kejahilan di kalangan umat manusia. Justeru menjadi tanggungjawab seluruh warga pendidik umumnya dan Guru Pendidikan Islam khususnya untuk meneruskan kecemerlangan dalam dunia pendidikan yang telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w.

RUJUKAN DAN BACAAN

- Abdul Fatah Abu Ghuddah. 2001. *Nabi Muhammad Guru dan Pendidik Ulung*. Terj. Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: M Khairi Ent dan Al Azhar Media Ent.
- Abdul Rahman Nawas, Nawawi Mohammad, Omardin Ashaari, Arip Saaya, 1995. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.
- Abdullah Ishak. 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*. Selangor : Al-Rahmaniah.
- Afzalur Rahman.1992. *Ensiklopedia Sirah: Sunah, Dakwah dan Islam*, Jilid 1. Terj. Zaharah Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Afzalur Rahman. 1993. *Ensiklopedia Sirah : Dorongan Baru*. Terj. Zaharah Salleh et al. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mohd Saleh.1998. *Pendidikan Islam Dinamika Guru*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kuala Lumpur.
- Azam Hamzah,&Zulekha Yusoff. 1990. *Tamadun Islam : Konsep dan Pencapaiannya*. Shah Alam : Penerbitan Hizbi.
- Barnadib. 1987. *Filsafat Pendidikan- Pengantar Mengenai Sistem dan Metode*. Yogyakarta : IKIP.
- Ee Ah Meng. 1994. *Perkembangan dan Pelaksanaan Kurikulum*. Kuala Lumpur : Fajar

Bakti.

Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications Sdn Bhd.

Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Ghazali Darusalam. 2001. *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hass, G. (1987). *Curriculum Planning : A New Approach*. Boston : Allyn & Bacon, Inc.

H.M. Arifin. 1991. *Filsafat Pendidikan Islam*. Jakarta : Bumi AKSARA.

H. Ramayulis. *Ilmu Pendidikan Islam*. 1994. Jakarta : Kalam Mulia.

Hasan Langgulung. 1988. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta : Pustaka Al-Husna.

Hasan Langgulung. 1988. *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21*. Jakarta : Pustaka Al-Husna.

Khairuddin Muhammad. 1978. *Sejarah Islam*. Jilid 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Daud Hamzah. 1993. *Siri Pendidikan Kurikulum: Penerokaan Teori Kurikulum*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.


Mohd Daud Hamzah. 1995. *Perkembangan Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Ed. Zambry Abd. Kadir. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Mohd. Mohadis Haji Yasin (1997), “Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka”, *Disertasi Sarjana Usuludin*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hal. 47, 48-77.
- Mohd Yusof Othman, *Perkongsian Bijak Komuniti dan sekolah : harapan dan cabaran bagi merealisasikan sekolah berkesan*. Jurnal dakwah Bil 1, Jilid1 Disember 1998, Kuala Lumpur: Bahagian Dakwah dan Kepimpinan JAPIM, KPM.)
- Mohd Mokhtar Shafii. *Masjid sebagai Pusat Pendidikan dan Penjanaan Ummat* Cemerlang. 10 (3), 2003.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2005. *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Ralph W. Tyler. 1992. *Prinsip Asas Kurikulum dan Pengajaran*. Terj. Kamaruddin Hussin. Hazil Abdul Hamid. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosmawati Ali @ Mat Zin. 1997. *Pengantar Ulum Al-Qur'an*. Kuala Lumpur : Ilham Abati Enterprise.
- Rosnani Hashim. *Kurikulum Pendidikan dari Perspektif Islam dalam Konteks Pendidikan di Malaysia*. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(4), hal. 9-26
- Saedah Siraj. 2001. *Perkembangan Kurikulum Teori dan Amalan*. Edisi Kedua. Selangor : Alam Pintar Enterprise.
- Schubert, W.H. 1986. *Curriculum : Perspectives, Paradigm and Possibility*. New York : Mac Millan Publishing Co.

- Shaikh Ali Mohamad Mokhtar, 1997, *Peranan Masjid Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- S. Howard Nicholls & Audrey Nicholls. 1992. *Perkembangan Kurikulum*. Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SS. Husain& A.A.Ashraf. 1989. *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Terj. Maso'od Abdul Rashid. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ali Ashraf.1994. *Horizon Baru dalam Pendidikan Islam*. Terj. Ismail Ahmad.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Nordin. Jurnal Pendidikan Islam Tahun 2 Bil 5. September 1987.Kajang; ABIM.hal. 47)
- Wan Abdullah Wan Mahmood. 1989. *Arah Pendidikan Di dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Bina Jaya.
- Warwick, D., 1975. *Curriculum Structure and Design*. London : University of London Press.
- Zawawi Ahmad. Januari 1984. Struktur Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, Tahun 1 Bilangan 1. Kuala Lumpur : Sinar Ilmu.


LAMPIRAN

LAMPIRAN 1



Sumber : Kurikulum Pendidikan Islam bersifat sepadu dan harmoni di antara ketiga komponen.(Tajul Ariffin Nordin,1987).


LAMPIRAN 2



Sumber: Mohd Daud Hamzah. 1995. *Perkembangan kurikulum sekolah* .

LAMPIRAN 3

Proses kurikulum



Sumber : S. Howard Nicholls & Audrey Nicholls. 1992. *Perkembangan Kurikulum*. Terj. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN 4

